

# Pemuda jadikan Pasir Mas tapak permulaan hala tuju baru

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Pergerakan Pemuda UMNO akan menjadikan Pasir Mas. Kelantan sebagai tapak permulaan menggerakkan hala tuju baru, gerak kerja dan melaksanakan tiga amanat yang ditetapkan oleh Presiden parti.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, bahagian tersebut diberi penghormatan berdasarkan kedudukannya sebagai kawasan parti pembangkang.

Beliau berkata demikian ketika mengumpul perbahasan sempena Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

“Kita berharap pemimpin (UMNO) bahagian Pasir Mas akan bersama dengan kita.

“Menerima pergerakan Pemuda bukan sahaja dengan tangan terbuka, tetapi lebih penting dan lebih bermakna dengan hati terbuka,” katanya diikuti tepukan gemuruh daripada para perwakilan.

Pemilihan Bahagian Pasir Mas itu dipercayai ada kaitan dengan kritikan yang dilemparkan oleh Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali yang mengkritik kepimpinan pemimpin sayap kanan itu.

Bahkan Ibrahim turut meminta Hishammuddin melepaskan jawatannya dan digantikan dengan beliau sendiri.

Bagaimanapun, Hishammuddin menampelak tuduhan tersebut sambil menyifatkan tugas memperkasakan UMNO bukan sahaja terletak kepada Pemuda malah semua peringkat dalam parti.

Hishammuddin menambah, pergerakan itu bertekad untuk melaksanakan ketiga-tiga amanat Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu menambahkan ahli, mendaftarkan pengundi baru dan menubuhkan bilik-bilik gerakan.

## Perjuangan

Dalam pada itu Pergerakan Wanita UMNO akan terus menjalankan gerak kerja dalam lima cabang perjuangan di peringkat akar umbi iaitu politik, agama, sosial, ekonomi dan kebudayaan bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, jentera Wanita UMNO akan berusaha mendekati masyarakat melalui aktiviti-aktiviti berdasarkan lima cabang perjuangan tersebut bagi memastikan sokongan rakyat terhadap BN.

“Wanita LJMNO telah diarahkan

supaya bekerja dengan baik dan rapi dengan pen&pin dan ahli-ahli UMNO di semua peringkat bahagian supaya Wanita UMNO dapat menyumbang kepada Wanita bahagian yang menjadi benteng BN di semua kawasan Parlimen,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada sesi pengumpulan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Menurut Rafidah, Wanita UMNO sentiasa memberikan komitmen penuh terhadap perjuangan dan agenda UMNO untuk memperkukuhkan parti supaya UMNO terus kekal sebagai tunjang parti kerajaan dalam RN.

Mengenai Puteri UMNO, Rafidah sekalilagi mengulangi bahawa pergerakan itu tidak pernah menentang malah mengalu-alukan kewujudannya kerana ia akan melahirkan kumpulan pelapis kepada Wanita UMNO.

Beliau menyifatkan tindakan pihak tertentu yang terus membuat fitnah mengenai penentangan Wanita terhadap Puteri sebagai berniat jahat.

Kata Rafidah, beliau percaya masih banyak ruang untuk Wanita dan Puteri UMNO bekerjasama di peringkat akar umbi demi kepentingan parti dan rakyat.